

12 OCT 2001

Mahathir-PAS

K'JAAN TIDAK AKAN HALANG PAS KE AFGHANISTAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak akan menghalang para penyokong PAS pergi ke Afghanistan untuk berperang bersama Taliban menentang Amerika Syarikat.

Dalam masa yang sama kerajaan tidak akan menyokong tindakan mereka, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat kedua Menteri Pelancongan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) di sini.

"Jika mereka ingat mereka hendak pergi, mereka boleh pergi dan kita tidak menghalang mereka tetapi kita tidak menyokong mereka...saya rasa mereka hanya membuang masa mereka," katanya.

Rabu lepas setiausaha agung PAS Nasharuddin Mat Isa dilaporkan berkata parti itu telah mengisytiharkan "Jihad" menentang Amerika dan telah memberikan lampu hijau bagi para penyokongnya pergi ke Afghanistan berperang bersama Taliban.

Dr Mahathir ditanya sama ada kerajaan akan menghalang para penyokong PAS pergi ke Afghanistan untuk melakukan jihad bersama puak Taliban.

Ditanya sama ada keputusan PAS itu akan merumitkan lagi keadaan, Dr Mahathir berkata: "Mereka berhak melakukan jihad tetapi saya tidak fikir ada yang akan menyahut seruan itu."

Ketika menjawab soalan sama ada PAS melalui tindakannya itu membuktikan ia sebuah parti ekstremis, Perdana Menteri berkata itu adalah usaha mereka untuk memancing undi.

"PAS sedang cuba memancing undi dengan menonjolkan diri sebagai amat fanatik mengenai usaha mempertahankan Islam tetapi PAS sebenarnya telah merosakkan Islam dengan memecah-belahkan orang Islam di negara ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata apa yang dilakukan selama ini oleh parti pembangkang itu hanyalah melemahkan umat Islam di negara ini.

"Mereka telah melemahkan kita...itu sahaja yang mereka telah lakukan. Mereka tidak melakukan apa-apa untuk Islam," katanya.

-- BERNAMA

NM NM RM RON